

Kerenah birokrasi punca rasuah berleluasa

Oleh MOHAMAD SOFEE RAZAK

KEBELAKANGAN ini perbincangan mengenai gejala rasuah semakin mendapat tempat untuk dibincangkan oleh pelbagai pihak di negara ini. Ini mungkin didorong oleh kesedaran orang ramai mengenai gejala rasuah yang semakin merebak dan jika tidak dibendung boleh memberi kesan kepada pembangunan negara.

Indeks rasuah yang tinggi dan tahap ketelusan hendaklah dijadikan asas utama kepada pembinaan sesebuah negara yang berdaulat dan bermaruah. Sentimen rasuah yang buruk dan tidak terkawal akan membantutkan usaha menarik lebih ramai pelabur ke negara kita.

Di negara kita, rasuah merupakan jenayah atau kesalahan undang-undang di mana seseorang didapati mendapat sesuatu kebebasan, kontrak atau keistimewaan daripada pihak berkuasa atau sesebuah syarikat selepas memberi wang, hadiah, keraian kepada pihak-pihak tersebut. Menurut Badan Pencegah Rasuah (BPR) terdapat empat kesalahan rasuah yang utama iaitu meminta dan menerima rasuah; menawar dan memberi rasuah; membuat tuntutan palsu dan menyalah guna jawatan atau kedudukan.

Di dalam *magnum opus* berkenaan rasuah di negara kita iaitu Rasuah, Sifat, Sebab dan Fungsi (1990), pengarangnya Syed Hussein Alatas menukulkan bahawa Robert C. Brooks (1910) di dalam buku beliau *Corruption in American Politics and Life* merumuskan rasuah sebagai "Dengan sengaja melakukan ke-

salahan atau melalaikan tugas yang diketahui sebagai kewajipan, atau tanpa hak menggunakan kekuasaan, dengan tujuan memperoleh keuntungan yang sedikit sebanyak bersifat peribadi." Manakala *Kamus Dewan Edisi Ketiga* pula mendefinisikan rasuah sebagai perbuatan menumbuk rusuk iaitu dengan menyogok dan menyuap sesuatu untuk tujuan sesuatu.

Baru-baru ini negara dikejutkan sekali lagi apabila Indeks Persepsi Rasuah (IPR) 2006 telah meletakkan Malaysia di tempat ke-44 dari 163 negara di dunia. Walaupun indeks ini turut dipertikaikan oleh sebahagian pihak kerana dianggap tidak tepat dan bersifat bias, namun ia boleh dijadikan sebagai penanda aras indeks rasuah di negara kita yang boleh dianggap masih rendah dan memerlukan usaha yang berterusan membasmi jenayah ini. Usaha hendaklah dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh kerana indeks ini amat penting kepada pertumbuhan ekonomi negara kita.

Para pelabur luar negara terutamanya menjadikan indeks tersebut sebagai penanda aras utama untuk mereka melabur dan menanam modal di negara kita. Kerenah birokrasi dan jenayah rasuah yang berleluasa hanya akan membantutkan usaha kerajaan untuk menarik lebih ramai pelabur dan pedagang asing ke negara kita. Mereka lebih selesa dan hanya akan memilih negara yang tinggi indeks rasuahnya serta mempunyai tahap ketelusan yang terbaik sebagai tempat untuk melabur dan mengembangkan perniagaan mereka. Oleh yang demikian, de-

ngan kadar indeks rasuah yang tinggi dan tahap ketelusan yang maksimum mampu menarik lebih ramai pelabur ke negara kita.

Antara negara-negara yang mempunyai kadar rasuah yang amat tinggi dan mendapat mata di antara 1.5 dan 2.0 dalam TI Corruption Perceptions Index 2004 termasuklah Haiti, Bangladesh, Nigeria, Myanmar, Chad, Paraguay dan Azerbaijan. Di kalangan negara ASEAN pula, Indonesia mempunyai mata yang sangat rendah iaitu pada 2.0. Manakala negara kita terletak di bahagian yang lebih tinggi iaitu dengan mata 5.0. Negara ASEAN yang mendapat keyakinan paling tinggi ialah Singapura dengan 9.3 dan diikuti Brunei.

Untuk itu undang-undang adalah senjata utama kepada BPR dalam melaksanakan keadilan, membanteras rasuah, salah laku dan amalan buruk penjawat awam, khususnya dan masyarakat amnya. Ia begitu jitu, bersatu dan bulat dalam menjalankan tugas berlandaskan undang-undang tanpa berbelah bagi, memihak ataupun dipengaruhi. Berani berhadapan dengan semua peringkat masyarakat sewaktu menjalankan tugas dan tanggungjawab demi keadilan dan kesaksamaan.

Seksyen 2 Akta Pencegah Rasuah 1997 jelas menerangkan bilakah sesuatu hadiah itu menjadi rasuah. Hadiah dikategorikan sebagai satu bentuk suapan. Selain itu, jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan dan perjanjian untuk memberikan pekerjaan atas perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberi perkhid-

matan atas apa-apa sifat.

Jika atas alasan adat dan kelaziman seperti pada hari perayaan, perhubungan antara pemberi dan penerima amat penting dititikberatkan. Seksyen 49, Akta Pencegah Rasuah 1997 menjelaskan alasan adat atau kelaziman tidak boleh diterima sebagai keterangan.

Tiada satu pun masyarakat, negara atau agama yang mengiktiraf dan menerima rasuah sebagai satu amalan dan cara hidup. Islam sendiri dengan tegas melarang amalan keji ini diamalkan sama ada pemberi dan penerimanya.

Lazimnya rasuah diamalkan oleh kerana wujudnya kerenah birokrasi dan tahap ketelusan yang rendah di kalangan sesetengah kakitangan awam dan amalan ini lazimnya merebak luas seiring dengan kepesatan proses pembangunan, kemajuan dan modenisasi negara. Oleh yang demikian, kerajaan hendaklah dengan penuh iltizam dan tegas memerangi rasuah di semua peringkat secara komited, konsisten dan berkesan kewujudan negara yang sifar rasuah. Pelancaran Pelan Integriti Nasional (PIN) dan Institut Integriti Malaysia (IIM) jelas memperlihatkan kesungguhan kerajaan memastikan cabaran untuk melahirkan masyarakat yang hidup berlandaskan nilai keroohanian dan etika yang tinggi, dapat dicapai sepenuhnya.

MOHAMAD SOFEE RAZAK
merupakan pengamal
undang-undang.